



GARIS PANDUAN KOD ETIKA RAKAN NIAGA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

**DISEDIAKAN OLEH:-
BAHAGIAN INTEGRITI DAN AUDIT DALAM
21/8/2024**

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Pengenalan	4
2.0	Dasar Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Majlis Perbandaran Pekan (SPAR MPP) MS ISO 37001:2016	4 – 5
3.0	Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) MPP MS ISO 9001 37001:2016	
4.0	Polisi Hadiah Majlis Perbandaran Pekan	
5.0	Definisi	
6.0	Prinsip-prinsip	
7.0	Sekatan Perhubungan Dengan Majlis Perbandaran Pekan	11
8.0	Pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga	11 – 12
9.0	Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat/Aduan Intergriti (Whistleblowing) – Klausu 8.9	12 – 13
10.0	Komitmen Anti Rasuah Sistem Pengurusan Antirasuah – Klausu 8.6	14
11.0	Kewajipan Rakan Niaga	14
12.0	Kewajipan Majlis Perbandaran Pekan (Komunikasi) – Klausu 7.4	15
13.0	Kod Etika Rakan Niaga Majlis Perbandaran Pekan	15 - 16

1.0 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Pekan (MPP) berkomitmen untuk menjalankan perkhidmatan secara professional, beretika dan berintegriti dengan standard tertinggi. MPP mengamalkan pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, dan menjunjung tinggi semua undang-undang yang berkaitan dengan anti rasuah dan rasuah.

Kod Etika Rakan Niaga MPP ini menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangkakan daripada setiap Rakan Niaga, pekerja-pekerja mereka, Sub-Kontraktor dan Sub Rakan Niaga MPP dalam memenuhi pemberian atau pelaksanaan kontrak barangan, perkhidmatan, kerja dan perolehan am

Prinsip-prinsip kod etika selaras dengan visi dan misi MPP dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus MPP dalam meningkatkan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampuan dalam perolehan MPP bagi mengurang dan membasmi gejala rasuah.

2.0 PERNYATAAN POLISI INTERGRITI DAN ANTI RASUAH MPP

Majlis Perbandaran Pekan (MPP) komited untuk mengamalkan ketelusan dan keadilan bagi memastikan tadbir urus terbaik melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, MPP akan;

- i. Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694), arahan-arahan lain yang berkaitan anti-rasuah dan semua perundangan yang terpakai kepada aktiviti MPP.

- ii. Memastikan amalan dan persekitaran kerja selari dengan pelaksanaan anti-rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan MPP.
- iii. Menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif anti-rasuah selaras keperluan sistem pengurusan anti-rasuah secara berterusan.
- iv. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang salahlaku integriti dan rasuah selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- v. Memberi kuasa kepada Jawatankuasa Anti-Rasuah menjalankan fungsi pematuhan anti-rasuah dan bertindak sebagai badan bebas.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua kakitangan membaca, memahami dan mematuhi polisi anti-rasuah MPP. Tindakan tatatertib boleh diambil keatas kakitangan bagi sebarang ketakakuran dan pelanggaran polisi ini.

3.0 POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHITSTLEBLOWING) MPP MS ISO 37001:2016

Majlis Perbandaran Pekan (MPP) komited untuk melaksanakan dan menyampaikan perkhidmatan dengan standard tadbir urus terbaik dan integriti tertinggi.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan tadbir urus, MBK telah mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower) bagi memudahkan warga MPP serta orang

awam melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau integriti seperti penipuan, rasuah, penyelewengan kewangan yang serius dan salah guna kuasa seseorang yang dilantik dalam MPP dengan lebih berkesan. Ini sejajar dengan komitmen MPP untuk membangunkan budaya keterbukaan dan kejujuran dimana seseorang digalakkan untuk melaporkan perkara tersebut dengan niat baik tanpa rasa takut akan tindakbalas.

Mana-mana individu yang mahu melaporkan salah laku rasuah dan pelanggaran integriti akan dilindungi oleh Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing). Dibawah polisi ini laporan boleh dibuat terhadap mana-mana individu yang mempunyai kaitan dengan MPP. Sekiranya disyaki melakukan salah laku, rasuah dan pelanggaran integriti. Sebarang kes salah laku atau pelanggaran integriti yang dilaporkan akan disiasat menurut prosedur dan undang-undang yang berkaitan

4.0 POLISI HADIAH MAJLIS PERBANDARAN PEKAN MS ISO 37001:2016

Majlis Perbandaran Pekan komited untuk melaksanakan dan menyampaikan perkhidmatan dengan standard tadbir urus terbaik dan integriti tinggi. MPP mewujudkan Polisi Hadiah ini untuk memastikan warga MPP mematuhi Kod Etika MPP dan Polisi Antirasuah MPP dalam memberi dan menerima hadiah.

Polisi Hadiah ini memerlukan warga MPP untuk mengamalkan standard etika dan tatakelakuan tertinggi dalam semua perkara apabila berurusan dengan pihak ketiga untuk mengekalkan kerja beretika tinggi bagi menggalakkan sebarang konflik kepentingan atau kelihatan seperti ada konflik kepentingan.

Semua warga MPP tidak dibenarkan memberi atau menerima sebarang Hadiah secara langsung atau tidak langsung

Polisi hadiah ini hendaklah dibaca bersama-sama kod etika dan Polisi Anti Rasuah MPP. Sebarang pelanggaran Polisi Hadiah ini akan juga menjadi pelanggaran kepada Kod Etika dan Polisi Antirasuah MPP.

5.0 DEFINISI

Terma-terma yang digunakan dalam kod ini dan mempunyai maksud seperti berikut:-

5.1 Rakan Niaga

Bermaksud individu/syarikat/jabatan kerajaan atau NGO yang berurusan atau membuat urus niaga dengan MPP dalam skop etika ini dan termasuklah Rakan Niaga yang dilantik MPP dan bercadang untuk mengadakan atau sedang dalam kontrak dengan MPP

5.2 Wakil Rakan Niaga

Bermaksud Rakan Niaga, penyedia perkhidmatan vendor, kontraktor, perunding dan ejen "Pihak Ketiga" yang menyediakan kerja, produk, barang, peralatan, bahan atau perkhidmatan atau tindakan untuk atau atas nama MPP, termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja mereka, sekutu atau pihak ketiga atau subkontraktor lain yang telah dilibatkan oleh Pihak Ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan, atau menyediakan produk kepada atau bertindak untuk atau bagi pihak syarikat.

5.3 Hadiah

Termasuk wang, harta alih atau harta tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun dan komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (without consideration) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi

5.4 Ahli keluarga

Bermaksud seorang anggota keluarga dan termasuk suami-isteri, ibu bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri). Saudara lelaki dan saudara perempuan pegawai MPP serta suami/isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan pegawai MPP.

5.5 Pegawai Pengantara

Bermaksud mana-mana pegawai MPP yang ditugaskan bagi mengendalikan urusan perolehan tender, sebutharga atau pembelian terus atau mula dikeluarkan sehinggalah semua urusan Rakan Niaga dilaksanakan oleh Rakan Niaga atau wakil Rakan Niaga.

5.5 Perhubungan Yang dilarang

Bermaksud perhubungan secara lisan atau bertulis dengan mana-mana pegawai, Ahli Majlis atau lain-lain pegawai MPP, selain daripada Pegawai Pengantara yang mana boleh secara munasabah diandaikan bahawa perhubungan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi atau secara munasabah boleh mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan tersebut. Larangan ini termasuklah dan tidak terhad kepada perjumpaan peribadi, komunikasi telefon, surat, faks, emel dan sebagainya. Larangan ini tidaklah termasuk termasuk perhubungan dengan pegawai MPP atas sebab untuk perbincangan tentang kerja yang sedang dilakukan yang mana tiada kaitan dengan urusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

5.6 Pegawai MPP

Bermaksud mana-mana pegawai dan kakitangan termasuk mana-mana Ahli Majlis dan anak syarikatnya

6.0 PRINSIP-PRINSIP

MPP menjangkakan Rakan Niaga perlu menjalankan perniagaan mengikut piawai etika yang tinggi, termasuk pematuhan kepada prinsip-prinsip berikut:-

6.1 Jujur Melaksanakan Tanggungjawab

- a) Merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan

- b) Bertanggungjawab menjaga aset fizikal dan intelektual MPP termasuk hartanah serta bekalan dan peralatan apabila diberi kuasa oleh MPP untuk menggunakan aset tersebut
- c) Memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan MPP dibuat dengan penuh adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.

6.2 Mematuhi Undang-undang

- a) Mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui didalam perjanjian kontrak
- b) Mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan atau jenayah Negara
- c) Mematuhi undang-undang berkenaan rasuah dan sogokan termasuk Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan
- d) Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, pelepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan

6.3 Menjauhi Rasuah

- a) Tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah
- b) Segera melaporkan kepada Bahagian Integriti dan Audit Dalam jika terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh pegawai MPP atau Rakan Niaga lain.

- c) Saluran pelaporan boleh dibuat menerusi:-
- i) Pengadu hadir ke Bahagian Integriti dan Audit Dalam Majlis Perbandaran Pekan
 - ii) Email : aduanintegriti@mpp.gov.my
 - iii) E-aduan (Whistleblowing) : www.mpp.gov.my
 - iv) Melalui telefon : 09-4211252
 - v) Melalui surat dialamat :
Ketua Bahagian Integriti dan Audit Dalam
Majlis Daerah Pekan
Jalan Mahkota
26600 Pekan, Pahang

6.4 Mengelakkan Percanggahan Kepentingan

- a) Rakan Niaga tidak dibenarkan menawarkan atau memberi hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pegawai/Ahli Majlis/Ahli Keluarga
- b) Rakan Niaga tidak akan menggunakan khidmat atau mengambil mana-mana individu atau syarikat berkepentingan untuk berunding atau mendapat kontrak MPP atas apa-apa perjanjian atau persefahaman untuk membayar komisen, kadar peraturan kepada keputusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

6.5 Menghindari Amalan Anti Kompetitif (Persaingan)

- a) Rakan Niaga dan wakil Rakan Niaga hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urusan niaga perolehan seperti tidak memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada Rakan Niaga yang lain, menyembunyikan atau memusnahkan dokumen.

6.6 Hadiah, Sumbangan dan Penajaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah – Klausula 8.7

MPP melaksanakan prosedur untuk mencegah apa-apa tawaran pemberian atau penerimaan hadiah, hospitaliti, sumbangan dan lain-lain faedah seumpamanya yang boleh dianggap sebagai rasuah.

6.7 Pembayaran Fasiliti Dan/Atau Pembayaran /Ugutan/Paksaan

- a) MPP melarang menerima atau memberi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebarang pembayaran fasilitasi atau pembayaran ugutan/paksaan
- b) "Pembayaran fasilitasi" adalah pembayaran tidak sah atau tidak rasmi yang dibuat sebagai balasan untuk perkhidmatan yang berhak diterima oleh pembayar secara sah tanpa membuat pembayaran tersebut
- c) Pemerasan adalah tuntutan memenuhi kepuasan sama ada atau tidak dengan ancaman jika permintaan itu ditolak

7.0 SEKATAN PERHUBUNGAN DENGAN MPP

Pegawai pengantara akan dilantik atau ditugaskan bagi setiap urusan tender, sebutharga dan perundingan perolehan oleh MPP. Apabila pegawai perantara telah dilantik, Rakan Niaga atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Rakan Niaga, termasuk kepada mereka yang menawarkan khidmat runding cara, rundingan atau lain-lain perkhidmatan tidak dibenarkan membuat perhubungan dengan mana-mana pegawai MPP melainkan perhubungan tersebut

dibenarkan oleh pegawai pengantara dalam tempoh urusan perolehan sedang dalam tindakan

8.0 PELANGGARAN KOD

8.1 Sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam kod etika Rakan Niaga ini, MPP boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepertimana yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengisytiharkan Rakan Niaga sebagai tidak bertanggungjawab atau melanggar kontrak atau dihalang dari meneruskan Rakan Niaga.

8.2 Rakan Niaga hendaklah patuh sepenuhnya kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan rasuah, sogokan dan amalan perniagaan yang dilarang

8.3 Pelanggaran kod etika Rakan Niaga ini atau sebarang peruntukan dibawahnya boleh menyebabkan Rakan Niaga dikenakan hukuman jenayah atau sivil mengikut undang-undang

Antara tindakan yang akan dikenakan atas ketidakpatuhan kepada kod ini adalah:-

- i) Penalti/denda
- ii) Penamatan kontrak
- iii) Disenaraihitam atau dibatalkan pendaftaran bagi tempoh tertentu bagi ketidakpatuhan berulang

9.0 DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT/ADUAN INTEGRITI (WHISTLE – BLOWING) – KLAUSA 8.9

9.1 Dasar tersebut menetapkan prosedur yang membolehkan Rakan Niaga untuk mengemukakan masalah yang benar mengenai yang sebenarnya atau disyaki tidak beretika, menyalahi undang-undang, salah atau lain-lain kelakuan tidak wajar dan juga menetapkan proses untuk menguruskan sebarang tindakan, gangguan terhadap pemberi maklumat

9.2 MPP melaksanakan prosedur berikut:-

- a) Menggalakkan dan membenarkan seseorang untuk melaporkan dengan suci hati dan bertanggungjawab atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, berkaitan cubaan atau syak melakukan rasuah, atau apa juga kelakuan tidak wajar atau kelemahan yang wujud dalam Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) kepada unit yang bertanggungjawab.
- b) Melaksanakan proses penyiasatan dengan penuh kerahsiaan termasuk pegawai yang dilaporkan dan identity pemberi maklumat (whistle – blower)
- c) Melindungi pemberi maklumat dari tindakan atau hukuman setelah mereka dengan suci hati, atau berdasarkan kepercayaan munasabah. Mendedahkan atau melaporkan aduan berkaitan cubaan rasuah, rasuah sebenar atau disyaki rasuah atau pelanggaran Dasar Anti Rasuah.

- d) Membenarkan pegawai yang menjalankan siasatan menerima pandangan dan nasihat daripada orang yang berkelayakan berkaitan dengan rasuah.
- 9.3 MPP sentiasa memastikan semua pegawai memahami tentang prosedur pendedahan kelakuan tidak wajar dan sedia maklum hak dan perlindungan yang ditentukan
- 9.4 Rakan Niaga boleh menghubungi pihak berikut jika ada sebarang laporan atau aduan salah laku oleh pegawai MPP dalam pelaksanaan kod etika Rakan Niaga ini

10.0 KOMITMEN ANTI RASUAH – KLAUSA 8.6

Bagi Rakan Niaga yang terdedah kepada risiko rasuah yang lebih besar dari risiko tahap rendah, MPP bersedia mencegah rasuah melalui:-

- a) Rakan Niaga mengambil tanggungjawab mengelak rasuah, bagi pihak atau untuk faedah Rakan Niaga yang berkaitan dengan apa-apa transaksi, projek, aktiviti ataupun hubungan
- b) MPP boleh menamatkan kontrak/hubungan Rakan Niaga apabila berlaku rasuah oleh pihak atau faedah Rakan Niaga yang mempunyai hubungan dengan transaksi, projek, aktiviti atau hubungan

11.0 KEWAJIPAN RAKAN NIAGA

Semua bakal Rakan Niaga dan yang sedia ada dikehendaki untuk mematuhi prinsip dan polisi yang diterangkan dalam Kod Etika Rakan

Niaga ini. Untuk memenuhi tanggungjawab ini, setiap Rakan Niaga dan wakil Rakan Niaga serta semua kakitangan mereka mestilah:-

- a) Membaca dan memahami Kod Etika ini
- b) Memantau sendiri pemantauan kepada kod etika ini
- c) Melaporkan kejadian pelanggaran kod etika Rakan Niaga kepada Bahagian Integriti dan Audit Dalam bila mana terdapat situasi yang menyebabkan operasinya bercangah dengan etika ini
- d) Memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat

12.0 KEWAJIPAN MAJLIS PERBANDARAN PEKAN (KOMUNIKASI) – KLAUSA 7.4

Polisi Anti Rasuah perlu disediakan dan disebarkan kepada semua kakitangan dan Rakan Niaga.

13.0 KOD ETIKA RAKAN NIAGA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

Borang Deklarasi Anti-Rasuah Rakan Niaga Majlis Perbandaran Pekan untuk syarikat yang terlibat dalam perolehan perkhidmatan, pembekalan dan kerja adalah seperti di lampiran.